

**“BANTERAS FILEM CETAK ROMPAK” : SARANAN PEMANTAPAN  
PENGUATKUASAAN**

(‘Eradicating Film Piracy’: Proposed Consolidation of Enforcement)

Noor Aziah Abdullah, Wan Amizah Wan Mahmud,  
Mohd Nor Shahizan Ali

**ABSTRAK**

Aktiviti filem cetak rompak tidak memberi sebarang kesan persepsi kepada masyarakat negara ini. Dengan perkataan lain, aktiviti menjual, mencetak, membeli dan memiliki filem cetak rompak tidak memberi sebarang kegerunan emosi dan makin diterima sebagai budaya kepada masyarakat negara ini. Apabila memperkatakan tentang isu Harta Intelek, perkataan sinonim yang berkaitan dengannya adalah cetak rompak. Oleh kerana filem merupakan salah satu dari kategori hasil karya sastera dan seni yang dilindungi di bawah Harta Intelek, maka makalah ini akan membincangkan kaedah pembanterasannya fenomena filem cetak rompak bagi melindungi Harta Intelek ini. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam bersama para informan yang terdiri dari mereka yang terlibat secara langsung dalam industri ini, maka dapatan temu bual mendapati bahawa Literasi media memainkan peranan yang dominan dalam pelaksanaan pembanterasannya aktiviti ini di kalangan masyarakat. Tidak ketinggalan saranan lain seperti penambahbaikan akta, peningkatan penguatkuasaan, peranan pihak industri, dan penglibatan penggiat seni dalam penggubalan dasar dan perundangan berupaya menyumbang kepada pemantapan penguatkuasaan terhadap fenomena filem cetak rompak di negara ini.

**Kata kunci:** Harta Intelek, Filem Cetak Rompak, Literasi Media, Akta dan Penguatkuasaan, Temubual Mendalam

**ABSTRACT**

A pirated films activity does not have any impact on the public perception of this country. In other words, the activities of selling, printing, purchasing and owning pirated movie gave no terrors emotional and now increasingly been accepted as a culture to the audience. When talking about the issue of Intellectual Property, the word is synonymous associated with piracy. Since the film is one of a category of literary and artistic works which is protected under Intellectual Property, then this paper will discuss ways to eradicate the phenomenon of film piracy to protect this intellectual property. Therefore, by using in-depth interviews with informants, consisting of those who are directly involved in this industry, the findings from interviews found that media literacy plays a dominant role in the eradication of this activity in the community. Do not miss the other recommendations such as improved the relevant Acts, increase enforcement, the role of the industry and the involvement of industry players in the drafting of legislation and policies will contribute to the enhancement of enforcement against pirated films phenomenon in this country.

**Keywords:** Intellectual Property, Pirated Films, Media Literacy, Acts Improvement and Enhancement of Enforcement, In-depth Interview

## **PENGENALAN**

Apabila memperkatakan tentang isu harta intelek, perkataan sinonim sering muncul adalah cetak rompak. Harta Intelek merujuk kepada penciptaan minda yang terbahagi kepada dua kategori iaitu Harta Intelek industri yang melibatkan tanda dagangan, paten, reka bentuk perindustrian dan tanda-tanda geografi. Kategori kedua adalah seperti inovasi, karya sastera dan seni seperti lukisan, gambar, filem, novel, drama, reka bentuk, simbol dan imej yang digunakan untuk tujuan perdagangan. Harta Intelek ini dilindungi di bawah perundangan sebagai contoh, paten, hak cipta dan 'trade mark', yang membolehkan pemunya memperoleh pengiktirafan atau mendapat faedah kewangan daripada hasil ciptaan atau inovasi tersebut. **Penekanan kepada** keadilan dan kepentingan terhadap pemegang hak cipta serta khalayak, maka sistem Harta Intelek ini memfokuskan kepada mewujudkan persekitaran di mana kreativiti dan inovasi dapat berkembang (WIPO 2014).

## **PENGERTIAN CETAK ROMPAK**

Hakikatnya, cetak rompak pula merujuk kepada pemalsuan hak cipta dan hak yang berkaitan sebagai contoh hak pemuzik, pengeluar dan organisasi penyiaran sebagaimana menurut 'Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights (TRIPS)' yang dimuatkan dalam kajian Karaganis (2011). Seterusnya, Treverton et.al (2009) pula mbingkaikan cetak rompak ke arah perbuatan negatif dengan merujuk cetak rompak kepada perbuatan mencuri harta intelek tulen kerana realitinya, pemilik hasil karya ini wajar mendapat ganjaran. Hill (2007) memberi pengertian yang lebih mendalam di mana melalui kajiannya menekankan bahawa, penjenayah cetak rompak digital juga bersamaan dengan penjenayah harta intelek. Termasuklah pembelian barangan palsu pada harga yang ditawarkan rendah daripada harga asal produk dan perkongsian fail bagi material hak cipta melalui rakan sebaya (Hill 2007). Antara lain, cetak rompak juga merujuk kepada penggunaan tanpa kebenaran atau membuat salinan ke atas kerja kreatif terutama tanpa pengetahuan pemilik hak cipta (mengikut undang-undang) yang ditekankan oleh Betty (2009).

Hal ini mendorong Hettinger (1997) menekankan dalam kajian beliau agar penyediaan insentif kepada pencipta sesuatu produk atau karya adalah perlu bagi memastikan masa depan industri kreatif selaras dengan tujuan sistem Harta Intelek tersebut diwujudkan. Oleh kerana cetak rompak merupakan perbuatan menghasilkan semula sesuatu barangan dengan mengikut atau menyerupai dengan yang asal tanpa persetujuan tuan punya hak cipta maka, rata-rata pembeli mengetahui bahawa barang cetak rompak yang dijual bukanlah asli manakala bagi barang peniruan ia dijual tanpa pembeli mengetahui bahawa iaitu bukan asli (Lim Hock Eam dan Hussin Abdullah 2004). Oleh itu, perbezaan antara peniruan dan cetak rompak adalah dari sudut keinginan untuk menipu pembeli (Gael & Christopher 1994).

Dengan mempertimbangkan peranan perkembangan teknologi, cetak rompak kini tidak hanya meliputi bahagian-bahagian tertentu dunia malah menjangkau dari lautan yang terbuka sehingga ke ruang siber, dari penggunaan kerahan tenaga kepada teknologi digital yang menjadikan cetak rompak sentiasa berlaku di mana sahaja. Kepantasan teknologi telah mengkontraskan fenomena cetak rompak pada masa kini dengan terdahulu yang mana kepantasan teknologi telah memberi kemudahan dan kadar yang lebih murah kepada aktiviti cetak rompak. Teknologi digital ini turut sama digunakan dalam urusan transaksi kewangan global dan juga turut digunakan dalam penghasilan cakera optik cetak rompak dan Internet tanpa had pemalsuan, pengedaran dan keuntungan dengan membelakangkan kualiti, kepantasan dan kecapaian. (Delueze 1995). Hasil dari kajian yang dijalankan oleh Motion Picture Association t.n. bagi perkara yang melibatkan filem dan televisyen, dapat dikatakan bahawa terma ini berkaitan dengan aktiviti memuat turun, membuat sambungan atau hubungan kepada rangkaian tertentu atau menyediakan pelbagai akses tanpa kebenaran bagi menyalin filem. Program televisyen atau kandungan hak cipta di Internet dan membuat atau menjual dalam bentuk DVD dan 'Blue ray' (Motion Picture Association ).

Bertolak dari itu, kajian oleh Yar (2005) turut memuatkan kepentingan pemegang hakcipta sesuatu karya. Kepentingan ini meliputi hak untuk membuat penyalinan, penghasilan semula, pengedaran, penyiaran dan persembahan bagi kandungan yang ditentukan dalam terma hak cipta tersebut. Hakikatnya, pemegang hak cipta akan mengalami kerugian yang besar sekiranya hasil karya mereka dicetak rompak yang mana pengeksplotasian hak cipta boleh diperoleh melalui pemberian lesen atas penyalinan, pengedaran dan persembahan kepada orang lain dengan mendapat balasan pampasan atas kegunaan tersebut (Yar 2005).

Hakikatnya, menurut Treverton (2009) dalam kajian beliau bahawa dalam kes cakera padat digital (DVD) cetak rompak, kumpulan penjenayah akan bergerak untuk mengawal seluruh rangkaian pembekal, bermula dari pengeluaran kepada pengedaran sehingga membawa kepada penjualan di pasaran dengan mengukuhkan kekuasaan terhadap operasi pasar gelap serta membina empayar, kekayaan dan pengaruh pada setiap kawasan atau daerah yang ditakluki. Dalam sesebuah kawasan, pengaruh ini menjalar sehingga kepada pihak berkuasa yang menguatkuasakan undang-undang berhubung pelanggaran akta dan ahli politik. Pengaruh ini bersifat memberi perlindungan kepada peniaga filem cetak rompak ini dari diambil tindakan oleh pihak berkuasa (Treverton et.al.2009).

## **FENOMENA FILEM CETAK ROMPAK DI MALAYSIA**

Malaysia merupakan negara membangun di Asia tidak terkecuali berhadapan dengan masalah ini. Malah Malaysia turut didakwa sebagai sebuah negara yang aktif dalam aktiviti cetak rompak (IIPA Special 301 Report 2008). Malaysia dikatakan mempunyai kemudahan yang dikuasai dan dimiliki oleh sindiket jenayah terancang terutama kumpulan penjenayah yang mempunyai kekayaan dan berkuasa dari Taiwan yang bukan sahaja di Malaysia malah seluruh Asia. Situasi ini terlihat jelas melalui lambakan filem cetak rompak yang dijual di pasaran terbuka dengan tanda pengenalan pada warna lapik meja yang digunakan untuk menjual filem cetak rompak yang mana mewakili kumpulan penjenayah tertentu yang menguasai satu-satu kawasan (Malcomm 2003 dalam McIlwain 2005).

Dalam pada itu menurut kajian yang dilakukan oleh Yar (2005), menyatakan bahawa pihak Motion Picture Association di United Kingdom telah mengenal pasti negara-negara di Asia Tenggara merupakan negara utama yang merupakan pusat penghasilan dan pengeksportan filem cetak rompak dengan melabelkan Malaysia sebagai pusat utama cetak rompak dengan mencatat jumlah tertinggi iaitu sebanyak 61% DVD cetak rompak yang memasuki United Kingdom adalah dari Malaysia melalui Lapangan Terbang Kuala Lumpur (Yar 2005).

Tidak terkecuali fakta ini turut ditemui dalam kajian Wang (2006) berhubung isu cetak rompak turut menekankan bahawa negara Asia seperti China, Taiwan, India, Thailand dan Malaysia merupakan negara yang sedang membangun dari segi ekonomi dan pasaran. Pada dasarnya, keunikan pembangunan ekonomi dan perkembangan teknologi yang melanda negara Asia ini telah mengakibatkan bukan sahaja kebanjiran pengeluaran barangan berorientasikan eksport malah lambakan barangan cetak rompak (Wang 2006).

Tinjauan turut dibuat ke atas kajian yang dijalankan oleh “RAND of the Safety and Justice Program” (2009) di bawah penyeliaan “RAND Infrastructure, Safety, and Environment” dan “RAND Center for Global Risk and Security,” mendapati Malaysia memainkan peranan yang aktif terlibat dalam aktiviti cetak rompak sebagai salah satu negara yang mengeluarkan filem cetak rompak dalam bentuk DVD dan di edar serta dijual di London. Kumpulan Kongsi Gelap Ang Bin Hoey merupakan pihak yang berpengaruh dan mempunyai kawalan ke atas semua pasaran haram yang melibatkan serangan senjata, rompakan, peras ugut dan pelbagai aktiviti jenayah yang lain. Kajian ini turut menyatakan bahawa Malaysia menghadapi kesukaran untuk melakukan operasi penguatkuasaan di kilang-kilang yang mengeluarkan filem cetak rompak disebabkan pihak pengilang enggan membenarkan anggota penguat kuasa untuk melakukan pemeriksaan (Treverton 2009).

## **PENGUATKUASAAN DI MALAYSIA**

Malaysia amat memandang serius pelanggaran undang-undang harta intelek. Oleh yang demikian, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah ditugaskan khusus bagi memerangi aktiviti cetak rompak yang bukan sahaja melibatkan barangan pengguna malah meliputi produk media seperti filem. Dalam menguatkuasakan perundangan ini, beberapa akta yang mencakupi semua aktiviti berhubung harta intelek telah diwujudkan. Antaranya adalah Akta Hak Cipta 1987 (Pindaan) 2012, Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah Perihal Dagangan (Label Cakera Optik) 2010 dan Akta Cakera Optik 2000.

Kajian ini memfokuskan kepada filem cetak rompak. Jika pada masa dahulu, filem dalam bentuk fizikal seperti VCD/DVD menjadi tumpuan penjenayah cetak rompak ini, kini tumpuan mereka beralih kepada filem cetak rompak yang dimuat turun dari laman-laman web di internet. Ini jelas menunjukkan bahawa perkembangan teknologi merupakan faktor yang dominan dalam menyumbang kepada kewujudan aktiviti filem cetak rompak di negara ini.

Mengikut rekod Bahagian Penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan Dan Koperasi (KPDNKK) jumlah kes sehingga September 2013 adalah sebanyak

183 di bawah Akta Hakcipta 1987 (AHC 1987) dan 817 kes di bawah peraturan-peraturan Perihal Dagangan (label cakera optik) 2010. Nilai rampasan bagi kedua-dua kes ini berjumlah RM4.3 juta. Menurut Roslan (2013), jumlah ini menurun jika dibandingkan dengan tahun 2012 iaitu sebanyak 387 kes di bawah AHC 1987 sementara 1,154 kes di bawah peraturan-peraturan Perihal Dagangan (label cakera optik) 2010. Jelas di sini masyarakat masih memilih untuk mendapatkan filem dalam bentuk VCD/DVD sebagai media hiburan selain daripada menuju bersama kepesatan teknologi terkini dengan memuat turun filem daripada Internet.

### **Akta Hak Cipta 1987 (Pindaan) 2012**

Di bawah Akta Hak Cipta 1987 terdapat beberapa karya yang dilindungi termasuklah karya sastera seperti novel, karya sastera dalam bentuk program komputer, suatu versi karya itu, sama ada dalam bahasa, kod atau tata tanda dalam mana karya itu dilahirkan pada asalnya yang bukannya suatu pengeluaran semula karya itu; bagi karya muzik ia termasuklah suatu gubahan atau transkripsi karya itu sebagaimana yang termaktub di dalam Seksyen 7, 8 dan 9 Akta tersebut. Manakala sebarang pelanggaran di bawah Seksyen 41 Akta Hak Cipta 1987 iaitu memiliki, atau mempunyai kawalan ke atas sebarang salinan langgaran denda yang bakal dihadapi adalah tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) atau tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) bagi setiap salinan langgaran (Akta 332, Akta Hak Cipta 1987).

Keseriusan kerajaan Malaysia di dalam perlindungan hak cipta dapat dilihat melalui pindaan terhadap akta agar ianya berjalan seiring dengan perkembangan teknologi. Maka, pindaan terhadap Akta Hak Cipta 1987 telah dibuat pada tahun 2012 di bawah Seksyen 43A yang memperuntukkan kesalahan iaitu sebarang cubaan atau perbuatan merakam filem dengan menggunakan sebarang peranti di dalam panggung wayang, pesalah akan dihukum denda yang tidak kurang daripada RM10,000 (USD 1,571) dan tidak lebih daripada RM100,000 (USD15,708) atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali (Akta Hak Cipta 1987 (Pindaan) 2012).

### **Akta Perihal Dagangan 2011**

Adapun akta ini diwujudkan dengan tujuan untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik yang melarang penggunaan perihal dagangan palsu dan kenyataan palsu atau mengelirukan, kelakuan dan amalan berhubung dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan. Ini bermakna bahawa adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 5 iaitu menjual barangan dengan menggunakan perihal perdagangan palsu sebagai contoh, menggunakan nama pengeluar yang berbeza dengan pengeluar sebenar (KPDNKK 2014). Signifikannya akta ini dengan isu hak cipta adalah akta ini merupakan akta induk kepada Perintah Perihal Dagangan (Label Cakera Optik 2010) yang mana antara perintah yang terdapat dalam Perintah Perihal Dagangan (Label Cakera Optik 2010) adalah keperluan bagi setiap filem yang dikeluarkan dalam bentuk VCD/DVD tulen ditampal label cakera optik yang turut dikenali sebagai hologram. Perintah Perihal Dagangan (Label Cakera Optik 2010) ini dibentuk adalah bagi mengelakkan kekeliruan di pihak pengguna terhadap ketulenan filem dalam bentuk VCD/DVD tersebut. Di samping perintah ini turut menggalakkan pengguna mendapatkan filem yang tulen (KPDNKK, 2014).

## **Akta Cakera Optik 2000**

Pembentukan akta ini adalah demi memastikan bahawa setiap pengeluaran cakera optik di kilang dapat dipantau oleh kerajaan bagi mengelakkan wujudnya pengeluaran cakera optik tanpa kebenaran dan kelulusan pemegang hak cipta. Hakikatnya, pewujudan akta ini dapat menghalang pengilangan salinan langgaran karya (hak cipta individu) dan dalam masa yang sama dapat melindungi hak tuan punya hak cipta dan orang lain yang diberi hak cipta di bawah Akta Hak Cipta 1987. Justeru itu, pemberian lesen diperlukan berserta kod pengilangan yang perlu dicetak pada setiap keping cakera optik yang telah dikeluarkan.

Kesalahan di bawah Seksyen 21 Akta ini tidak hanya menjurus kepada mencetak cakera optik menggunakan kod pengilang yang palsu, malah tindakan boleh diambil bagi kesalahan meletakkan dengan cara yang salah kod pengilang pada cakera optik yang bertujuan untuk memperdaya pengguna. Di samping itu akta ini turut menyentuh berhubung pemilikan apa-apa terap, blok, mesin atau alat-alat lain yang boleh dikira bagi maksud memalsukan kod pengilang.

Denda bagi kesalahan ini sekiranya melibatkan pertubuhan atau perbadanan adalah tidak melebihi lima ratus ribu ringgit bagi kesalahan pertama dan tidak melebihi sejuta ringgit bagi kali kedua dan seterusnya. Bagi kesalahan melibatkan individu, denda bagi kesalahan pertama adalah tidak melebihi dua ratus dan lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala bagi kesalahan kedua dan seterusnya, denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali (Akta 606, Akta Cakera Optik 2000).

## **METHODOLOGI KAJIAN**


Kaedah penyelidikan yang dijalankan dalam kajian ini adalah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual mendalam. Sebahagian besar dapatan artikel ini merupakan hasil temu bual mendalam bersama para informan seramai 17 orang. Informan terdiri daripada penggubal dasar yang dipilih dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Pegawai Penguat kuasa dari 5 agensi penguatkuasaan, Pengamal Undang-Undang, Penggiat Seni, Wakil Persatuan Pengguna dan pembeli filem cetak rompak. Pemilihan informan dari kategori yang dinyatakan di atas adalah bagi mendapatkan pandangan berdasarkan pengalaman informan yang terlibat secara langsung dalam industri filem ini terutama dilema yang dihadapi oleh penggiat seni. Bagi mengenal pasti dengan lebih mendalam apakah faktor yang mendorong pembelian dalam kalangan pengguna, maka temu bual telah dijalankan terhadap informan pembeli yang terdiri daripada kalangan remaja dan mereka yang telah bekerja.

Sepertimana yang dinyatakan oleh Othman Lebar (2014) bahawa kaedah kualitatif digunakan untuk memahami tingkah laku, perspektif, perasaan dan pengalaman manusia serta segala apa yang berlaku dalam kehidupan mereka (Othman Lebar 2014). Justeru itu, pemilihan kaedah kualitatif dipilih bagi meneroka dengan lebih mendalam fenomena yang berlaku terutama

terhadap mereka yang lebih dekat dengan fenomena tersebut. Selain dari temu bual, pengkaji turut melakukan pemerhatian terhadap aktiviti penjualan filem cetak rompak yang berlaku di premis perniagaan tetap dan juga di tapak pasar malam. Ini bagi membolehkan pengkaji melihat situasi sebenar dan membantu pengkaji menjawab persoalan apakah modus operandi yang digunakan oleh penjual dalam menarik perhatian pengguna dan dalam masa yang sama mengelak daripada diberkas oleh anggota penguat kuasa selain dari mengesahkan apa yang diungkapkan oleh informan.

## SARANAN PEMANTAPAN PENGUATKUASAAN

Jika dilihat kepada faktor kewujudan dan pendorong fenomena filem cetak rompak di negara ini, mendorong pengkaji untuk mencari jawapan apakah ‘ubat’ yang mujarab dalam mengubati dan seterusnya mengekang fenomena filem cetak rompak ini daripada terus berleluasa. Maka, kajian ini telah menemui beberapa saranan pemantapan yang telah dipilih sebagai saranan yang terbaik dalam beberapa saranan yang dikemukakan oleh para informan. Rajah 1.1 merupakan saranan pemantapan penguatkuasaan yang paling menonjol dan relevan dengan fenomena filem cetak rompak. Analisis saranan ini menggunakan Atlas.ti. Oleh itu, terdapat 6 saranan yang signifikan dengan fenomena yang dikaji.



### a. Literasi Media

Sungguhpun informan terdiri daripada pelbagai kategori, namun hampir kesemuanya memberikan ungkapan yang berbau literasi media sebagai salah satu kaedah yang sangat berkesan dalam membanteras fenomena filem cetak rompak dalam kalangan khalayak sama ada sebagai pembeli dan penjual. Literasi media merujuk kepada bagaimana seseorang itu menerima mesej-mesej daripada media dan juga penerimaan terhadap mesej-mesej tersebut (Barbie 2001). Literasi media merupakan saranan yang paling menonjol berbanding saranan lain. Kenyataan ini ditimbulkan oleh para informan hasil daripada pengalaman mereka mendapati bahawa kesedaran yang rendah dalam isu harta intelek dalam kalangan khalayak merupakan faktor dominan yang

mendorong penglibatan khalayak dalam fenomena ini. Dengan mempertimbangkan bahawa kesedaran hanya dapat diwujudkan melalui pendedahan seseorang itu terhadap ilmu pengetahuan, maka kebanyakan informan menggesa agar media memainkan peranan yang lebih kuat bagi membolehkan maklumat-maklumat berhubung isu harta intelek menjadi santapan minda khalayak. Ini jelas dapat di lihat melalui ungkapan seperti berikut:

*“Media merupakan medium untuk menyampaikan kempen kepada pengguna”.B5  
“peranan media itu sendiri dan kemungkinan berkaitan untuk menghebahkan kepada rakyat, pertama untuk mendaftar, kedua dari segi publisiti kepada masyarakat bahawa mereka perlu prihatin tentang hak cipta seseorang untuk mengelakkan cetak rompak, peranan media lah yang dapat menimbulkan kesedaran ini”. B4*

Berhubung faktor kesedaran yang rendah ini, ianya tidak hanya melibatkan khalayak malah ketandusan pengetahuan oleh penggiat seni berhubung perkara-perkara yang berkaitan Harta Intelek ini juga turut mendorong kepada kewujudan fenomena ini. Justeru itu, terdapat informan menekankan akan perlunya literasi media dikembangkan kepada penggiat seni jua. Antaranya ungkapan dari E2 *“tapi ada karyawan ini mungkin tidak tahu perlunya pendaftaran atau proses kesedaran oleh agensi terbabit seperti MYPO perlu dipertingkatkan lagi”*. Perkara ini turut disokong oleh informan yang mewakili penggiat seni iaitu D1 *“Macam mana nak register harta intelek dorang pun tidak tahu”*.

#### **b. Penambahbaikan Akta**

Perkembangan teknologi telah mengubah landskap industri filem di mana perubahan yang ketara adalah dari aspek mendapatkan filem cetak rompak. Secara tradisionalnya, filem cetak rompak didapati melalui pembelian secara fizikal dalam bentuk VCD/DVD. Namun ekoran daripada perkembangan teknologi kini, kaedah mendapatkan filem cetak rompak lebih pantas dan mudah iaitu melalui laman-laman web yang menawarkan filem cetak rompak sama ada secara percuma atau pun berbayar. Sepertimana yang diungkapkan oleh informan B2 *“Jadi saya tengok dari segi agensi mencukupi dan satu lagi saya tengok dari segi teknologi akhirnya kita akan ada satu masa fizikalnya akan jadi defeat atau akan hilang kerana teknologi sekarang online, downloading dan sebagainya , mereka lebih suka iPod lah, apa lah, lama- lama fizikal tu akan hilang”.B2*

Oleh hal yang demikian, perkembangan ini turut menyeret sama kesesuaian Akta yang berkaitan dalam pembanterasan aktiviti filem cetak rompak ini. Justeru itu, para informan berpandangan bahawa perlunya penambahbaikan akta dilakukan segera agar ianya selari dengan perkembangan teknologi seterusnya membawa kepada kesan positif dalam tindakan pendakwaan. Antara ungkapan para informan adalah seperti berikut:

*“dari segi cyber, perlu ada kajian yang lebih mendalam lagi untuk tujuan supaya kita .... kita boleh tutup loophole kerana cyber Law ini benda baru bagi kita, kita ada Kementerian Komunikasi apa MCMC kan pas tu kita ada polis sendiri pun ada undang-undang cyber, tapi dari kes-kes yang kita ambil masih ada loophole lagi, dan perlu dibuat kajian dan penambahbaikan...., B2.*



*“Cuma mungkin kalau boleh penggubal atau orang yang melaksanakan akta ini perlu seiring kalau tak dapat lebih laju atau lebih seiring dengan teknologi yang ada”*.D1

Namun demikian, perkara ini turut disedari oleh kerajaan yang mana kepincangan akta turut ‘membantu’ wabak ini terus berleluasa. Ini bermakna sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam membentuk dasar dan perundangan, agensi penguatkuasaan yang terlibat turut menggembleng tenaga dalam memastikan penularan fenomena ini dapat dikekang. Menurut informan B2 *“MYPO badan yang mengawal selia dalam industri filem dalam KPDNKK, mereka juga sentiasa mencari satu dasar atau polisi sama ada di peringkat local or global dalam usaha untuk membanteras kegiatan-kegiatan cetak rompak. Maknanya undang-undang dan approach bersepadu dan juga dasar iaitu penambahbaikan dasar juga dilakukan”*.

Jika dilihat keperluan penambahbaikan akta ini ekoran daripada perkembangan teknologi, namun terdapat juga faktor lain yang tidak boleh dipandang sepi dalam isu penambahbaikan akta ini. Realitinya, kepincangan akta turut memberi impak negatif dalam tatacara pendakwaan. Keluhan ini dinyatakan oleh informan D2 *“masalah yang dihadapi di dalam Akta Hak Cipta 1987 tindakan memerlukan pengadu untuk buat aduan, baru tindakan pendakwaan dapat dilakukan. Kadang-kadang banyak kes yang pengadu atau pemilik hak cipta tidak hadir atau gagal untuk tampil membantu pendakwaan. Jadi tindakan pendakwaan itu tidak dapat dilakukan”*. E2

### **c. Peningkatan Penguatkuasaan**

Penguatkuasaan yang berkesan dilihat daripada kecepatan dan kecekapan tatacara penguatkuasaan. Selaras itu, pembentukan tatacara penguatkuasaan ini sewajarnya berkadaran positif dengan tahap kecekapan penguatkuasaan waima bagaimana sekalipun tatacara itu diwujudkan bagi mencapai matlamat penguatkuasaan (Hillsman & Casale 1986; Einat 2002 dalam Einat 2004). Oleh hal yang demikian, menurut Hasmah Zainuddin (2009) dalam melaksanakan kuasa penguatkuasaan, adalah penting untuk mewujudkan infrastruktur organisasi dan sumber bagi menyokong aktiviti ini. Sumber dan keperluan tersebut antara lain adalah mempunyai jumlah yang mencukupi anggota penguatkuasaan berkemahiran yang bertanggungjawab dalam memantau pematuhan undang-undang oleh khalayak dan menjalankan penyiasatan. Di samping, kapasiti teknikal dan sumber dana yang mencukupi berupaya menggerakkan penguatkuasaan dengan lebih berkesan.

Dengan mempertimbangkan penguatkuasaan sebagai tonggak utama dalam ‘mengubati’ fenomena ini maka saranan ini ditekankan oleh para informan seperti mana berikut:

*“cabaran yang akan kita hadapi bukan pada fizikal dia, isu internet atau pun uploading dengan downloading punya isu maksudnya dari segi perundangan dan juga penguatkuasaan kita ada persediaan ke arah itu dengan kata lain maksudnya setiap agensi penguatkuasaan ini mesti ada perlu ada step untuk mempersiapkan pegawai-pegawai dia dengan pengetahuan-pengetahuan cybercrime, jenayah cyber ni kerana inilah yang akan menjadi cabaran agensi penguatkuasaan ke depan”*. B2

Namun demikian, penguatkuasaan tidak harus terletak di bahu agensi penguatkuasaan semata-mata, malah pelbagai pihak harus menggembleng tenaga dan bertindak sebagai mata dan telinga bagi agensi penguatkuasaan dalam memastikan penguatkuasaan terhadap aktiviti filem cetak rompak ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh sepertimana yang dinyatakan oleh para informan:

*“Penambahbaikan kepada akta mungkin tidak cukup sekiranya kita tidak menambah anggota penguatkuasa di KDN itu sendiri, atau penguatkuasaan, dia kena selari dan bukannya satu pihak saja yang memainkan peranan semua pihak harus memainkan peranan”.C1*

*“Semua pihak kena gembleng tenaga dan fikir dan menyelaraskan sama ada dengan mengadakan operasi bersepadu ke”.D1*

Kesepakatan antara agensi penguatkuasaan dilihat berupaya mengekang fenomena filem cetak rompak ini daripada terus berleluasa. Selain dari Bahagian Penguatkuasaan, KPDNKK yang menguatkuasakan Akta Hak Cipta 1987, Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut sama mempunyai peruntukan kuasa dalam pembanterasannya. Manakala, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai agensi yang mengawal selia pemberian lesen perniagaan terhadap semua tapak-tapak perniagaan di pasar-pasar malam dan premis perniagaan tetap seharusnya mewujudkan satu tindakan bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain. Ini membolehkan satu tindakan penguatkuasaan yang bersepadu mantap dapat dihasilkan sepertimana yang diungkapkan oleh informan B4 *“pihak berwajib melibatkan semua yang terlibat dari segi penguatkuasa, iaitu polis, PBT, BKF sendiri patutnya menggembleng tenaga untuk mengenal pasti dan mengadakan serbuan lebih kerap”*. Dengan memberikan contoh *“Macam kedai kalau kita buat operasi sekali dengan PBT, mereka boleh ambil tindakan dan polis ada peruntukan untuk polis so kalau kita dengan polis sendiri dorong boleh blok dengan elektrik dan bekalan air premis itu. Boleh betul-betul menutupkan terus aktiviti itu”*.

Khalayak turut sama diperlukan dalam usaha pembanterasannya. Ini disebabkan khalayak merupakan pemain utama dalam fenomena filem cetak rompak ini. Oleh itu, informan A2 menyatakan perlunya satu rangka pendidikan dibentuk dalam pembanterasannya agar khalayak turut sama terlibat sebagai agen penguatkuasaan. Antara ungkapan informan A2 *“So kita perlu tingkatan standard education supaya standard of living high, jadi education kena buat dulu, dan tidak perlu bergantung kepada enforcement untuk menjalankan penguatkuasaan. Serta perlu melibatkan orang ramai atau citizen century security. Jadi tidak perlu orang atau anggota yang ramai”*. A2. Konsep yang dicadangkan adalah menyerupai konsep rukun tetangga yang merupakan satu konsep permuafakatan antara jiran tetangga dalam menjaga keselamatan dan keharmonian sesebuah komuniti.

### **c. Peranan Industri**

Harga yang murah merupakan faktor pemangkin pendorong pembelian filem cetak rompak oleh khalayak. Situasi ini terhasil ekoran daripada perkembangan teknologi yang membawa kepada penghasilan cakera optik yang lebih murah, cepat dan berkualiti (Yar 2005). Maka sudah

semestinya harga yang ditawarkan untuk filem cetak rompak ini jauh lebih murah berbanding filem original. Maka di sini, peranan industri dilihat berupaya untuk membataskan 'kelebihan' filem cetak rompak ini dengan menetapkan harga yang murah atau hampir bagi filem original agar khalayak lebih tertarik untuk membeli filem original berbanding filem cetak rompak. Menurut informan E1, penggiat seni turut berperanan sebagai anggota masyarakat selain daripada berperanan sebagai ahli perniagaan. Maka, menurut informan E1 “*“Maknanya mereka yang menjual kena bersama masyarakat mengajar dan jangan mengambil keuntungan yang keterlaluan juga”*”.

Kenyataan ini turut disokong oleh informan A2 dengan menekankan kepentingan peranan pihak industri untuk menurunkan harga hasil karya mereka. Antara ungkapan informan A2:

*“Industri kena memainkan peranan, walaupun mereka berniaga, mereka tidak boleh kata mereka tidak boleh bertolak ansur untuk menurunkan harga. Macam mana you nak berniaga, dan tidak boleh kata saya berniaga banyak itu. Terpulanglah nak bagi atau tidak. Lagipun ini bukan barang keperluan dan orang boleh dapat dengan cepat dan alternative ada”*. A2

#### **d. Kepelbagaian pilihan**

Kepelbagaian pilihan yang dimaksudkan di sini adalah khalayak diberi pelbagai pilihan dalam memilih kategori filem original yang dihasilkan dalam pelbagai pakej. Saranan ini memerlukan kerjasama daripada pihak industri untuk mengeluarkan pakej bagi filem original yang murah dan dalam masa yang sama memberi pulangan kepada pihak industri. Sepertimana yang disarankan oleh E2 “*Cuma kita boleh lihat bagi pengguna yang mementingkan harga, mungkin boleh dicadangkan kepada pihak industri untuk menghasilkan dalam jenis yang berbeza, masih lagi original, mungkin berubah dari segi packaging atau kualiti yang kurang sedikit”*”.

Namun begitu, langkah ini telah diambil oleh segelintir pengeluar dan pengedar VCD/DVD ini. Langkah ini bertujuan untuk menandingi 'kelebihan' filem cetak rompak yang sinonim dengan harga yang murah. Ini ditekankan oleh informan D2 “*Kalau kita yang mahal punya, packaging macam ini RM21.90 sampai RM29.90. Tapi kita pun ada keluarkan yang murah punya. Yang murah untuk dijual di pasar malam. Sebab kita pun nak bit piracy jadi kita keluarkan yang murah. Kerana kita terpaksa, sebab ramai orang pergi pasar malam, sebab bila jual di pasar malam, kalau jual mahal siapa yang nak beli. So kita kena keluarkan yang lagi murah dan packaging berbeza dari yang mahal...D2*”.

Sungguhpun langkah ini telah diambil oleh pihak industri, aktiviti pembelian filem cetak rompak tetap mendapat sambutan daripada khalayak. Hal ini kerana, hanya segelintir pengedar VCD/DVD yang mengambil tindakan sebegini. Ironinya, VCD/DVD filem cetak rompak terlalu luas pasarannya di seluruh Malaysia. Oleh itu, adalah mustahil dengan pengeluaran pakej seperti ini oleh segelintir pengedar sahaja mampu untuk mengatasi lambakan VCD/DVD cetak rompak ini di pasaran. Dengan mempertimbangkan faktor harga sebagai kunci kepada permintaan filem cetak rompak, langkah ini seharusnya diambil perhatian oleh pihak industri bagi memastikan survival industri filem tanah air.

## Penglibatan Penggiat Seni Dalam Penggubalan Dasar

Ternyata penggubalan dasar yang berkaitan media tidak disenangi oleh penggiat seni sepertimana yang ditekankan oleh informan D2 “*Actually, terlalu banyak akta. Sebab saya tengok tidak ada perniagaan lain macam perniagaan ini. Terlalu banyak dan kalau kita kira ada 5. Saya tidak nampak ada membantu dalam aktiviti cetak rompak*”. Justeru itu, keluhan ini wajar diambil perhatian oleh pihak kerajaan sebagai badan yang berautoriti dalam menggubal dasar.

Dengan mengambil kira faktor keberkesanan dasar yang digubal terhadap golongan sasaran, maka adalah disarankan agar penglibatan penggiat seni dalam penggubalan dasar yang berkaitan dengan operasi media negara dipertimbangkan. Meskipun, penggubalan dasar adalah mengikut acuan aspirasi negara namun faktor kepentingan pihak yang terlibat terutama penggiat seni tidak harus dipinggirkan. Oleh itu, melalui penglibatan penggiat seni ini mampu memberi input kepada kerajaan berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka dalam industri media khususnya. Selain itu, komposisi penggiat seni sebagai pihak yang akan melaksanakan dasar operasi media tersebut.

Saranan ini menjadi elemen utama dalam penyelesaian pembanteras filem cetak rompak yang bermula daripada akar umbi sepertimana yang disarankan oleh wakil penggubal dasar salah satu kementerian terbabit.

*“That why, industry people kena play the role from the beginning, When buat dasar pun they should be inside dan the NGO, NGO representing the public, the industry people dan kumpulan sasaran mesti dalam team dasar. When you want to do a dasar, you mesti ada group-group ini. You have to create a small group and you make a draft and then you go for the town hall punya session dan you bentangkan kepada group-group ini. Group NGO, Group Industry pas tu baru you come with the draft and bentangkan sekali lagi. Dah dapat endorsement baru you jadikan dasar”.* A2

Langkah ini turut membantu menjadikan pembentukan dan penggubalan dasar itu menjadi lebih realistik dan bukannya idealistik semata-mata.

## KESIMPULAN

Melalui penemuan dalam kajian ini ternyata literasi media telah diangkat sebagai saranan yang paling dominan dalam membantu membanteras fenomena filem cetak rompak di negara ini. Ini berdasarkan bahawa faktor kesedaran yang rendah dalam kepentingan harta intelek terhadap industri dan negara merupakan penyumbang utama penglibatan khalayak terhadap pembelian filem cetak rompak di negara ini. Namun perlu diingat, literasi media turut digalakkan diberi kepada golongan penggiat seni agar pendedahan ini membantu memberikan mereka pengetahuan tentang hak mereka sebagai penghasil karya. Tema penambahbaikan akta turut ditekankan oleh para informan yang berpendapat bahawa kelompangan yang terdapat dalam akta-akta yang berkaitan dengan operasi media negara turut mendorong kepada berleluasa fenomena filem cetak rompak di negara ini.

Langkah ini harus disokong dengan peningkatan penguatkuasaan yang merupakan tonggak utama dalam aktiviti pembanterasannya filem cetak rompak dan filem tidak bertapis di negara ini. Penggembleran penguatkuasaan di antara agensi kerajaan yang berkaitan dengan aktiviti ini harus dipertingkatkan. Kajian ini turut menemui bahawa faktor harga yang murah filem cetak rompak dan filem tidak bertapis mendorong kepada penglibatan aktiviti ini oleh khalayak. Justeru itu, turut disarankan agar pihak industri seni memainkan peranan dengan mengambil usaha untuk menurunkan harga filem original agar dapat ‘mengalihkan’ perhatian khalayak kepada pembelian filem original. Tindakan ini dapat direalisasikan yang mana pihak industri mengeluarkan pelbagai pilihan pakej filem original dengan pelbagai harga tanpa kompromi dari aspek kualiti. Penglibatan penggiat seni dalam penggubalan dasar kerajaan yang berkaitan dengan operasi sistem media negara dilihat berupaya menjadikan dasar tersebut menepati golongan sasaran dan dalam masa yang sama input dapat diberikan oleh penggiat seni agar dasar yang dibentuk direalisasikan dengan jayanya.

## RUJUKAN

- Barbie,E. 2001. *The Practice of Social Research*. International Edition. Wadsworth.Cengage Learning.
- Betty Yung.2009.Reflecting on the Common Discourse on Piracy and Intellectual Property Rights: A Divergent Perspective.*Journal of Business Ethics*. 87:45–57
- Deleuze,G.1995.*Negotiations, 1972-1990*. New York: Columbia University Press.
- Einat,T. 2004. Criminal Fine Enforcement In Israel Administration, Policy, Evaluation And Recommendation. *Punishment & Society Journal*. 6(2): 175–194
- Gall et.al. 2003.*Educational Research: An Introduction*. Edisi ke-7. Boston.Pearson Education, Inc.
- Hasmah Zainuddin. 2009. Regulator and Enforcement: A Case Study On Malaysian Communication And Multimedia Commission (MCMC) Comparatively with FCC, IDA, OFCOM And Other Regulators. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Jilid.11.11(1):59-72
- Hettinger,E. 1997. Justifying Intellectual Property.Dalam.A.Moore.*Intellectual Property: Moral, Legal & International Dilemmas*.Lanham,MD:Rownan & Littlefield.
- Hill, C. W. L. 2007. Digital Piracy: Causes, Consequences, And Strategic Responses. *Asia Pacific J Manage*, 24, :9–25.
- International Intellectual Property Alliance.2009.IIPA Special 301 Report,2009. <http://www.iipa.com/rbc/2009/2009SPEC301MALAYSIA.pdf>International.[15 April 2014].

- Karaganis, J. 2011. *Media Piracy in Emerging Economies*. USA: Social Science Research Council.
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Dasar Harta Intelek.2014.<http://www.Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan.gov.my/> [3 Mac 2014]
- Lim Hock Eam & Hussin Abdullah. 2004. Gelagat Pembelian Barang Cetak Rompak: Kesan Faktor Harga dan Pendidikan. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 38( 38) 81 –98.
- Motion Picture Association America .<http://www.mpa.org/our-story/>[5 Mei 2014].
- McIlwain,S.J.2005.Intellectual Property Theft & Organized Crime: The Case of Film Piracy.
- Othman Lebar. 2014. Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Model: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Roslan Mahyuddin. 2013. <http://kpdnkk.bernama.com/featuresBm.php?id=995025>. [15 Mei 2014]
- Treverton,G.F, Matthies, K. J. C. & Goulka.J, Ridgeway G, 2009. *A.Film Piracy,Organized Crime, and Terrorism*.hlm.67. USA.
- Wang, S. 2006. Breaks, Flows, And Other In-Between Spaces: Rethinking Piracy And Copyright Governance. *Policy Futures in Education*, 4(4).
- WIPO. 2014. <http://www.wipo.int/treaties/en/ip/berne/>. diakses pada Januari 2014
- Yar, M. 2005. The global “epidemic” of movie “piracy”: crime- wave or social construction? *Media, Culture & Society*, Vol. 27(5), 677–696.

Noor Aziah Abdullah  
Wan Amizah Wan Mahmud  
Mohd Nor Shahizan Ali  
School of Media and Communication Studies  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[shahizan@ukm.edu.my](mailto:shahizan@ukm.edu.my)